

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah yang diambil oleh kementerian dalam membantu meningkatkan harga komoditi getah dalam pasaran. Nyatakan juga sokongan Kementerian kepada peniaga getah runcit dalam menghadapi penurunan harga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara pengeluar getah asli keenam terbesar pada tahun 2015 dengan menyumbang sebanyak 6% daripada pengeluaran getah asli dunia. Oleh yang demikian, Malaysia secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi getah asli dunia. Di samping itu, seperti produk-produk komoditi yang lain, getah asli diperdagangkan di peringkat antarabangsa dan harganya tertakluk kepada permintaan dan penawaran.

Bagi menangani beban penurunan pendapatan susulan harga getah asli yang tidak stabil, Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. Selain itu, IPG bertujuan memastikan para pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan supaya bekalan bahan mentah berterusan kepada sektor hiliran getah.

Mulai tahun 2016, Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG telah dipertingkatkan apabila harga getah gred SMR20 *Free on Board* (FOB) pada paras RM5.50 sekilogram atau pada paras RM2.20 sekilogram bagi harga *cuplump*. Insentif yang disediakan adalah perbezaan di antara harga pasaran dengan harga PHP. Langkah ini akan membolehkan pekebun kecil dengan produktiviti *cuplump* 3,000 kilogram/hektar/tahun dan purata milikan tanah 2 hektar, menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100. Sehingga September 2016, bilangan permohonan tuntutan IPG adalah sebanyak 349,248 yang

melibatkan pembayaran sebanyak RM50.98 juta kepada pekebun kecil getah di seluruh negara. Bagi membiayai IPG, Kerajaan telah peruntukkan dana sebanyak RM200 juta.

Selain itu, pada awal Jun 2016, Kerajaan juga telah mengumumkan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah 2016 sebanyak RM500 secara *One-Off* bagi meringankan beban pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara. Sehingga 10 Oktober 2016, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah meluluskan pembayaran kepada 269,962 orang pemohon yang bernilai RM134.981 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia juga berkerjasama dengan lain-lain pengeluar getah asli iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Ketiga-tiga negara ini menghasilkan 68% pengeluaran getah dunia. Langkah-langkah menstabil dan memulihkan harga getah asli yang telahpun dilaksanakan di bawah ITRC termasuk:

- i. Pelaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) bagi tempoh 10 bulan dari Mac hingga Disember 2016. Di bawah mekanisma ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut untuk mengurangkan lebih bekalan getah asli dalam pasaran dunia; dan

- ii. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah dan berkongsi maklumat penyelidikan di antara negara-negara ITRC. Di samping itu, langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport, antaranya termasuk penggunaan adunan getah bitumen dalam pembinaan jalan raya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian tidak menyediakan sebarang bantuan kepada getah runcit dan usaha-usaha Kerajaan tertumpu kepada meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah. Ini termasuk menjalankan integrasi tanaman getah dengan lain-lain tanaman termasuk ternakan. Pendekatan ini selain daripada meningkatkan sumber pendapatan para pekebun kecil getah, ia juga dapat menangani kebergantungan kepada satu jenis tanaman sahaja di mana pada masa harga getah yang rendah, ia memberi kesan kepada pendapatan pekebun kecil yang berkenaan.

Antara tanaman yang sesuai untuk diintegrasikan dengan tanaman getah adalah lada hitam dan koko. Selain itu, yang lebih sesuai ialah tanaman kontan termasuk sistem tanaman secara fertigasi bagi *rock melon* dan *tomato cherry* juga boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.